




قلنتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 37

RABU 16 SEPTEMBER, 1987.

رأبو 22 محرم 1408

PERCUMA

DYMM kurnia watikah perlantikan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan watikah perlantikan bagi bakal Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Tuan Yang Terutama Awang Haji Jaya bin Abdul Latif.

Istiadat pengurniaan tersebut telah berlangsung di Istana Nurul Iman di sini pada hari Isnin, 7 September lepas.

Sejurus selepas istiadat pengurniaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kemudiannya berkenan menerima mengadap bakal Wakil Tetap ke Bangsa-Bangsa Bersatu itu.

Tuan Yang Terutama Awang Haji Jaya, 48 tahun, adalah berkelulusan Diploma dalam Pentadbiran Awam, dari Universiti Manchester dalam tahun 1971. Beliau mula berkhidmat dengan kerajaan dalam tahun 1961, sebagai majistret dan selepas itu menjawab berbagai jawatan yang antaranya selaku pembantu peribadi kepada Menteri Besar, Penolong Pegawai Daerah Belait, Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Ketua Unit Latihan dan Timbalan Pengarah Perjawatan.

Lihat muka 20

Untuk sama-sama memberi khidmat kepada negara



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan watikah perlantikan kepada Tuan Yang Terutama Awang Haji Jaya bin Abd. Latif, Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Bangsa-Bangsa Bersatu, di New York. — Gambar oleh Harun Rashid.

SUKAN SEA KE-14

Negara mengutip empat pingat gangsa

JAKARTA. — Negara kita telah berjaya mengutip empat pingat gangsa di Kejohanan Sukan SEA ke-14 yang sedang rancak berlangsung di Jakarta Indonesia.

Menurut laporan dari Jakarta, kesemua pingat gangsa yang dimenangi itu adalah dalam acara olahraga pencak silat yang telah diadakan di Dewan Belia, Jakarta pada 14 September.

Sementara empat peserta kita dalam acara yang sama telah bertanding untuk merebut pingat emas pada malam semalam.

Setakat ini dalam acara bola sepak negara kita telah terkeluar untuk memasuki peringkat separuh akhir setelah tewas dalam kedua perlawanan iaitu tewas kepada Thailand 3-1 dan tewas lagi kepada negara tuan rumah Indonesia 2-0.

Wanita kita bukti kebolehan

Oleh Haniza Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menegaskan bahawa dengan adanya penubuhan Pasukan Bomba Wanita ianya telah membukakan satu lagi bidang kerjaya untuk kaum wanita di negara ini.

Menurut Yang Berhormat perkara tersebut juga telah dapat membuktikan pengakuan Kerajaan Baginda terhadap kebolehan kaum wanita untuk sama-sama memberikan khidmat kepada negara.

Berucap di tamat latihan bagi 45 orang rekrut wanita pertama Pasukan Bomba yang telah dilangsungkan di Pusat Latihan Bomba di sini pada 5 September lepas, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, "Ini juga merupakan pengiktirafan terhadap peranan wanita sebagai tidak kurang pentingnya dari peranan kaum lelaki dalam usaha Kerajaan Baginda untuk memajukan negara kita Brunei Darussalam."

Yang Berhormat Pehin menjelaskan, tugas mereka sebagai ahli Bomba adalah salah satu tanggungjawab yang berat dan mencabar namun Yang Berhormat berharap mereka akan melaksanakan tugas tersebut dengan penuh dedikasi dan bersungguh-sungguh.

Untuk itu kata Yang Berhormat Pehin, mereka semestinya mematuhi disiplin pasukan berkenaan dan patuh kepada perintah yang diberikan oleh pihak atasan mereka.

"Di samping itu dayang-dayang hendaklah juga memahirkan diri dengan latihan-latihan yang telah pun diberikan dan sentiasa berusaha untuk meningkatkannya," kata Yang Berhormat Pehin.

Berita dan gambar-gambar di sekitar Perbarisan Tamat Latihan Pasukan Bomba Wanita disiarkan di muka 10 dan 11.

Lihat muka 20

MANISNYA IMAN

"MANUSIA yang lebih utama di sisiku ialah yang terbanyak mengucapkan salam kepadaku." — Hadis Nabi riwayat Al-Turmudzi dari Ibnu Mas'ud radhiallahuan.

PETIKAN TITAH

“BETA menasihatkan supaya mereka akan akan menumpukan sepenuh perhatian kepada pengajian mereka dan menghadapinya dengan penuh tekun dan rajin pada mendapatkan ilmu pengetahuan yang berguna untuk pembangunan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam yang dicintai ini.”

Dititahkan pada 6 September, 1983 Di Dewan Persantapan Lapsu, semasa jamuan makan oleh penuntut-penuntut Brunei di United Kingdom.

Membuang sampah merata-rata
mencerminkan peribadi yang hina



Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP TIAP HARI RABU

16 SEPTEMBER, 1987

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang

SUMBANGAN WANITA DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

KESUNGGUHAN kaum wanita di negara ini untuk sama-sama memberikan khidmat dan sumbangan bakti kepada negara di berbagai bidang sudah semakin ketara dan menonjol. Perkembangan positif yang sedemikian setentunya merupakan suatu yang membanggakan. Ini mungkin menjadi suatu trend yang baik kepada masyarakat dan negara seluruhnya, apatah lagi jika penyertaan demikian dilakukan selaras dengan aspirasi negara.

Kesediaan kaum wanita kita dalam menyertai perkhidmatan negara terutama dalam sektor kerajaan yang bukan hanya setakat dalam jawatan-jawatan pentadbiran semata-mata, tetapi juga semakin berani memikul tanggungjawab yang lebih berat dan mencabar dan memerlukan tenaga kekuatan fizikal yang setanding dengan kaum lelaki adalah suatu perkara yang patut diberikan kepujian.

Walaupun kaum wanita secara umum dianggap sebagai golongan yang lemah, namun kelemahan atau kelembutan lahiriah yang mereka miliki itu tidak sepatutnya menjadi batu penghalang bagi mereka untuk berbakti kepada bangsa dan negara.

Sebagai contoh, dalam sejarah perjuangan Islam, kaum wanita pernah ikut serta berganding bahu dengan kaum lelaki yang ketika itu mengangkat senjata menentang pihak musuh. Bezanya mereka bukan tampil menghayun senjata, sebaliknya berjuang menyelamatkan nyawa pejuang-pejuang Islam yang cedera dalam pertempuran.

Dengan demikian pencapaian kaum wanita kita untuk memikul tugas-tugas yang lebih mencabar hari ini merupakan suatu kemajuan dan perkembangan yang sihat dan menggalakkan. Negara kita telah pun mempunyai Pasukan Polis Wanita dan Pasukan Askar Wanita. Kini kita berbangga pula dengan ketampilan wanita kita menjalankan tugas-tugas dalam Pasukan Bomba.

Dalam ucapannya selaku tetamu kehormat yang memeriksa barisan tamat latihan pengambilan pertama rekrut wanita Pasukan Bomba, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri baru-baru ini menjelaskan, dengan adanya kaum wanita diterima menjadi ahli Pasukan Bomba membukakan lagi satu bidang kerjaya untuk mereka di negara ini, dan sekaligus dapat membuktikan pengakuan kerajaan terhadap kebolehan kaum wanita untuk memberikan khidmat kepada negara. Kejayaan tersebut juga setentunya akan menjadi suatu pendekatan yang lebih meyakinkan bagi mengakui peranan kaum wanita sama pentingnya dengan peranan kaum lelaki dalam usaha kerajaan untuk memajukan Negara Brunei Darussalam. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri dalam titah sempena perayaan hari keputeraan baginda yang baru lalu menjelaskan hasrat baginda, supaya ketua-ketua jabatan akan memberikan pertimbangan dan perhatian yang sama kepada semua pegawai dan kakitangan tanpa membezakan di antara lelaki dan wanita.

Dengan adanya kesediaan kaum wanita dalam memberikan khidmat bakti kepada negara dan dengan adanya usaha-usaha kerajaan untuk mensetarakan kebolehan kaum wanita di berbagai bidang kerjaya dalam perkhidmatan negara, kita penuh berkeyakinan negara kita akan semakin bertambah maju dan berjaya dalam pembangunannya. Untuk mencapai tahap prestasi sedemikian itu, kaum wanita kita akan terus memperlihatkan kewibawaan mereka dalam perkhidmatan masing-masing dengan penuh cekap, jujur, amanah dan bertanggungjawab.

Bismillahir Rahmanir Rahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, saya bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin-Nya jua, maka kita dapat bersama-sama di majlis yang permai pada hari ini. Saya juga ingin mencatatkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan di atas penghormatan yang telah pun diberikan kepada saya terutama sekali di dalam menamakan rumah sakit yang baru ini sebagai Rumah Sakit Pengiran Isteri Hajjah Mariam dan seterusnya menjemput saya bagi merasmikan pembukaannya pada hari ini.

Sepertimana juga kita semua maklum pembangunan dan kemajuan serta pertahanan sesebuah negara, di samping hasil-mahsul yang terdapat di dalamnya, adalah juga bergantung rapat kepada keadaan fizikal dan mental rakyat negara itu bagi menggerakkan jentera-jentera pentadbiran, pembangunan dan pertahanan. Dalam hal ini, rakyat yang sihat lagi afiat adalah sangat-sangat diperlukan. Menyedari pada hakikat ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah dan sentiasa berusaha melalui Kementerian Kesihatan untuk menjamin kesihatan dan rawatan perubatan rakyat dan penduduk di negara ini, tidak kira sama ada mereka yang tinggal di bandar mahupun di daerah-daerah pedalaman. Adalah menjadi hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk mempertingkatkan lagi taraf kesihatan dan perubatan di negara ini ke tahap yang paling tinggi dan sempurna terutama sekali menjelang tahun 2000.

Dengan tertubuhnya Rumah Sakit di Pekan Bangar ini, ianya membuktikan lagi akan kesungguhan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk menjamin dan mempertingkatkan taraf kemudahan-kemudahan kesihatan dan rawatan

Dalam mewujudkan masyarakat dan keluarga yang bebas dari penyakit

KESEDARAN KESIHATAN MUSTAHAK DIPUPUK

SABDA ucapan penuh Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam binti Haji Abd. Aziz di majlis pembukaan rasmi Rumah Sakit Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Daerah Temburong pada hari Khamis 3 September, 1987.



perubatan untuk rakyat dan penduduk di Daerah Temburong. Adalah diharapkan Rumah Sakit ini akan dimanfaatkan dan digunakan sepenuhnya oleh rakyat dan penduduk di daerah ini. Hendaknyalah rakyat dan penduduk di daerah ini menanamkan semangat kesedaran akan pentingnya untuk mewujudkan masyarakat dan keluarga yang sihat dan bebas dari sebarang penyakit bagi menjamin masa depan Negara Brunei Darussalam. Kesedaran peri mustahaknya kesihatan di dalam kehidupan sehari-hari mestilah dipupuk di peringkat kanak-kanak lagi

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah dan sentiasa berusaha melalui Kementerian Kesihatan untuk menjamin kesihatan dan rawatan perubatan rakyat dan penduduk di negara ini, tidak kira sama ada di bandar mahupun di daerah-daerah pedalaman.

dengan membiasakan diri mereka dengan Rumah Sakit

dan berjumpa dengan doktor apabila mereka dihindangi oleh sebarang penyakit.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika berkenan mengurniakan cenderamata kepada anak pertama yang lahir di Rumah Sakit Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Khaizul Anak Bili bersama ibunya sambil diperhatikan oleh Dato Paduka Dr. Haji Hussien, Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

Kepada pihak pentadbiran dan kakitangan Rumah Sakit ini, adalah saya harapkan supaya mereka akan dapat memberikan perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang baik dan tinggi mutunya kepada semua penduduk di Daerah Temburong yang datang untuk mendapatkan rawatan daripada mereka. Yang penting sekali ialah supaya Rumah Sakit ini akan mengutamakan pemberian perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang tinggi mutunya, baik dari segi layanan kepada pesakit-pesakit, menyediakan peralatan mahupun ubat-ubatan yang diperlukan pada setiap masa.

Akhirnya, dengan mendahulukan kalimat "Bismillahir Rahmanir Rahim", maka saya sukacita merasmikan Rumah Sakit Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Pekan Bangar, Daerah Temburong ini.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa berbual mesra dengan serombongan Setiausaha-setiausaha Tetap dari Republik Singapura yang diketuai oleh Ketua Perkhidmatan Awam, Dr. Andrew Guan Khuan Chew bertempat di pejabat Yang Berhormat Pehin di Istana Nurul Iman. — Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.

Lawatan muhibah

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Ketua Perkhidmatan Awam Republik Singapura, Dr. Andrew Guan Khuan Chew beserta empat orang pegawai kanan telah mengadakan kunjungan hormat kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di Istana Nurul Iman di sini pada 14 September, lepas.

lawatan muhibah.

Mereka juga berkesempatan mendengar beberapa taklimat mengenai Kemajuan Perumahan oleh Pegawai-pegawai dari Lembaga Kemajuan Perumahan di Bilik Gerakan Jabatan Kemajuan Perumahan dan juga taklimat mengenai Rancangan Kemajuan Negara Kelima dan Perusahaan Minyak di Negara Brunei Darussalam di Bilik Taklimat Unit Perancang Ekonomi.

Sebelum berlepas pulang pada hari ini rombongan telah mengadakan lawatan ke Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan di Jalan Subok.

Rombongan tersebut telah berada di negara ini selama tiga hari bagi mengadakan

Amaran Polis kepada orang ramai JANGAN TANGKAP IKAN GUNAKAN 'KARAN'

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Pihak Polis mengingatkan orang ramai supaya jangan menangkap ikan menggunakan alat-alat elektrik seperti janakuasa, kerana cara tersebut berbahaya dan boleh

menyebabkan kematian.

Amaran ini dibuat berikutan satu kemalangan yang menyebabkan seorang meninggal dunia akibat dari perbuatan menangkap ikan

dengan cara yang salah iaitu menggunakan kuasa elektrik.

Kejadian itu berlaku baru-baru ini, apabila sekumpulan sembilan orang pergi menangkap ikan di hulu sebatang sungai. Mereka membawa sebuah janakuasa jenis Yamaha ET 500 yang biasa digunakan di negara ini untuk tujuan mendapatkan bekalan tenaga elektrik.

Tetapi mereka menggunakan janakuasa (generator) tersebut untuk menangkap ikan dengan kuasa karan dari janakuasa tersebut. Dengan menggunakan dua batang besi berbentuk kasar yang disambung dengan wayar ke janakuasa itu menjadikan air sungai tersebut berkarat dan menyebabkan ikan-ikan mati dan timbul.

Kemalangan itu berlaku apabila seorang daripada kumpulan itu menghidupkan enjin janakuasa itu, manakala seorang rakan mereka menyambung wayar sepanjang 12 kaki dari janakuasa ke batang besi yang dimasukkan ke sungai dan karan pun mengalir ke air sungai tersebut.


Perbuatan itu menyebabkan orang tersebut terjatuh ke dalam sungai yang airnya tohor itu. Menyedari

keadaan itu seorang daripada kumpulan itu cepat-cepat menutup suis janakuasa itu sambil kawan mereka yang lain cuba menyelamatkannya tetapi dia sudah meninggal dunia.

Berhubung dengan kejadian itu, pihak Polis telah menghubungi salah seorang pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Perkhidmatan Elektrik untuk memberikan keterangan berkenaan dengan keupayaan janakuasa yang digunakan oleh kumpulan penangkap ikan itu. Pegawai itu menyatakan janakuasa berkenaan boleh mengeluarkan karan empat kali ganda yang boleh menghentikan jantung (mendatangkan "cardiac arrest").

Berikutan laporan itu pihak Pelita Brunei juga telah menghubungi salah seorang Penolong Pegawai Perikanan dan Kuatkuasa Undang-Undang di Jabatan Perikanan untuk meminta pendapatnya berhubung dengan kejadian itu.

Menurut beliau menangkap ikan dengan menggunakan alat-alat yang berbahaya seumpama itu adalah dianggap salah sambil menasihatkan orang ramai jangan terikut-ikut dengan cara penangkapan ikan yang tidak sihat itu.



DUA batang besi yang disambung dengan janakuasa yang dijadikan alat untuk menangkap ikan di sungai yang menyebabkan kemalangan itu berlaku. — Gambar ihsan Pasukan Polis Diraja Brunei.



JANAKUASA jenis Yamaha ET 500 yang pernah digunakan oleh kumpulan penangkap ikan tersebut. — Gambar ihsan Pasukan Polis Diraja Brunei.



MENTERI Kesihatan Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Noordin berlepas ke Beijing lewat petang 3 September lepas untuk menghadiri Persidangan Jawatankuasa Rantau Asia Pasifik, Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar disertai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Yassin bin Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin, Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Dato Paduka Dr. Haji Hussin bin Haji Mohammad Daud dan empat orang pegawai kementerian.

Persidangan kali ke-38 itu diadakan selama seminggu bermula Sabtu lepas. Projek-projek serantau dan isu-isu kesihatan seperti AIDS adalah di antara perkara-perkara yang dibincangkan. Gambar atas kelihatan Yang Berhormat sejurus sebelum berlepas — Gambar oleh Pengiran Abu Bakar PHO.

Negara tuan rumah mesyuarat RECSAM

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Negara Brunei Darussalam telah menjadi tuan rumah bagi mesyuarat ke-18, Lembaga Pusat Serantau Sains dan Matematik (RECSAM) yang diadakan selama empat hari bermula pada hari Isnin 14 hingga hari Khamis 17 September esok.

Mesyuarat tersebut telah diadakan di Rumah Peringgahan Kerajaan di sini dan seramai 14 orang peserta dari Negara ASEAN termasuk dua orang wakil dari Negara Brunei Darussalam me-

nghadiri mesyuarat tersebut. Juga hadir ialah wakil-wakil dari Ahli Bersekutu Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara — SEAMEO, dari Perancis dan Australia.

Sementara wakil dari Republik Persekutuan Jerman dan Kounsel British juga hadir sebagai pemerhati. Pengarah RECSAM, Awang Poon Poh Kong dari Malaysia dan Setiausaha Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara — SEAMEO, Profesor Dr. Ida Bagus Oka dari

Bangkok dan Awang Wee Choon Siang juga hadir.

Mesyuarat selama empat hari itu dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia, Awang Mahmud bin Taib.

Antara perkara-perkara yang diperbincangkan dalam mesyuarat tersebut termasuklah agenda dan rancangan-rancangan serta perkara-perkara yang berkaitan dengan laporan mesyuarat tahun lalu yang diadakan di Pulau Pinang

Malaysia.

Pusat Serantau Sains dan Matematik — RECSAM adalah sebuah badan dibawah Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara — SEAMEO di mana Negara Brunei Darussalam menjadi ahlinya. Matlamat pusat itu adalah untuk membantu negara-negara anggota dalam meningkatkan pengajaran Sains dan Matematik dan melaksanakan penyelidikan-penyelidikan dan program-program latihan serta lain-lain kegiatan yang berkaitan.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-398

SIAPA DIA AL-IMAM AL-MAHDI

Al-Imam Al-Mahdi Al-Muntadzir yang keluar akhir zaman itu seorang sahaja :

MENURUT kata-kata ulama bahawa Al-Imam Al-Mahdi itu seorang laki-laki keturunan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan ia akan memenuhi dunia ini dengan keadilan saksama dan Nabi Isa Alaihisalam untuk membunuh Ad-Dajal besar itu. Al-Imam Al-Mahdi juga akan keluar dan dia akan menolong Al-Imam Al-Mahdi juga akan mengetuai umat Islam dan Nabi Isa sendiri bersembahyang di belakang Al-Imam Al-Mahdi dalam suatu kisah yang panjang dalam perkara-perkara menurut hadis-hadis Sallallahu Alaihi Wasallam dan hadis-hadis itu mutawattir sebagaimana kata Al-Imam Al-Aaburi dan lain-lain ulama.

Al-Imam Al-Mahdi akan diangkat menjadi khalifah di

antara rukun dan makam di Al-Masjidil Haram, Mekah setelah umat Islam tiada mempunyai khalifah dan mereka mencari Al-Imam Al-Mahdi Al-Muntadzir di antara Mekah dan Madinah. Ia enggan menjadi khalifah dan umat Islam mengutuk dia supaya ia menerima lantikan khalifah itu. Masa keluarnya pada akhir zaman pada masa turun Nabi Isa Alaihisalam dari langit dan zaman keluar Dajal bukan pada masa sekarang atau masa sebelum sekarang. Sebagaimana dalam hadis-hadis dan telah disebutkan oleh Al-Imam Ibnu Hajar dalam Al-Fataawa Al-Hadiithiyah dan lain-lain dan Al-Allamah Al-Aarif Billah As-Syed Ahmad bin Zaini Dahlan dalam Al-Futuuhatil Islaamiyyah.

Maka menurut fatwa Al-Imam Ibnu Hajar bahwa barangsiapa mengatakan sekarang ini ada Al-Imam Al-Mahdi Al-Muntadzir dan dia telah keluar memimpin umat

Islam adalah orang itu beriktikad salah dan sesat dan jahil sedalam-dalamnya kerana ia menyalahi hadis-hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dan dia membawa hadis-hadis dalam Al-Fataawa Al-Hadiithiyah. Menurut Ahmad Al-Ghumari hadis-hadis Al-Mahdi itu mutawattir pada Ibnu Hajar.

Dan menurut ulama Islam yang mengatakan hadis-hadis berkenaan Al-Imam Al-Mahdi Al-Muntadzir itu hadis-hadis mutawattir, maka orang-orang yang ingkarkan Al-Imam Al-Mahdi Al-Muntadzir itu setelah ia diberi keterangan dan didirikan hujah ke atasnya maka tiadalah dapat diuzurkan dia dari menolak hadis-hadis mutawattir, dan hukum orang yang menolak perkara mutawattir atau perkara ma'lumun munaddini bidaharuurah adalah maklum diketahui dari kitab Ar-Riddah dan lain-lain sebagaimana kata Al-Allamah Al-Muhaddithu Ash-Sheikh

Al-Kauthari yang telah saya sebutkan dahulu perkataannya.

Berkata Al-Allamah Ash-Sheikh Al-Islam Ibrahim Al-Baijuri yang hidup tahun 1198 sehingga 1277 Hijrah dalam Haashiah yang bernama Tuhfatul Muriid di atas Matnu Jauharatut Tauhid Lil'allah Ash-Sheikh Ibrahim Al-Laqqani yang meninggal tahun 1041 Hijrah: Begitu juga wajib beriman dengan tanda-tanda yang mutawattir bagi datangnya hari kiamat, setengah dari tanda-tanda yang kecil bagi hari kiamat, ada yang sudah berlaku dan ada tanda-tanda itu belum berlaku dan alamat atau tanda-tanda yang besar bagi hari kiamat itu sepuluh perkara, mula-mula keluar Al-Imam Al-Mahdi (Al-Muntadzir), kemudian keluar Ad-Dajal, kemudian turun Nabi Isa bin Maryam (dari langit), kemudian keluar kaum yakjuj dan makjuj, keluar binatang dari bumi,

Siri kelapan

yang menulis di hadapan dua mata orang mukmin akan perkataan-perkataan (mukmin) dan jadi berseri-seri cahaya mukanya, dan ia menulis di hadapan dua mata orang kafir akan perkataan (kafir) dan jadi hitam gelap mukanya, dan naik matahari dari pihak baratnya dan keluar asap, kekal ia di atas muka bumi 40 hari, asap itu keluar dari hidung orang kafir dan dari dua matanya dan dari dua telinganya serta dari duburnya sehingga ia menjadi seperti orang mabuk, dan asap itu akan mengenai orang mukmin seperti sakit selesma, runtuh binasa Ka'abah di tangan orang-orang Habshah, setelah Nabi Isa meninggal dan diangkat Quran dari mushaf Quran dan dari dada orang-orang Islam dan balik



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Multi Kerajaan.

semula semua penduduk bumi menjadi kafir. Tamat katanya.

Adapun iktikad Ruuhul Imamul Mahdi atau ruh Nabi Isa atau ruh Nabi atau lainnya masuk menjelma dalam tubuh seseorang lain, adalah itu tanaasukh dan iktikad tanaasukh itu ialah iktikad kepercayaan orang Hindu dan lain-lain yang seumpamanya. Iktikad tanaasukh itu adalah kufur dan murtad sebagaimana dalam kitab-kitab Fiqeh sepertimana dalam Anawarul Quran oleh Mufti Johor Al-Allamah As-Syed 'Alwi bin Tahir Al-Haddad Rahimahullah dan Al-Filam oleh Al-Imam Ibnu Hajar dan lain-lain.

WALLAHUAKLAM (bersambung)...

Peraduan syarahan dan menghafaz ayat-ayat lazim

KUALA BELAIT. — Dayang Hamamah binti Yahya dan Dayang Hamidah binti Bagol, kedua-duanya dari Sekolah Menengah Mumong muncul sebagai juara di dalam peraduan menghafaz ayat-ayat lazim dan syarahan peringkat daerah di sini.

Tempat kedua bahagian syarahan ialah Dayang Rozina binti Salim dari Sekolah Menengah Perdana Wazir dan ketiga ialah Mohd. Rizal bin Mohd. Deli dari Maktab Anthony Abell, Seria.

Manakala menghafaz ayat-ayat lazim pula, tempat kedua disandang oleh Dayang Juliana binti Haji Nawi wakil dari Sekolah Menengah Perdana Wazir dan ketiga ialah Dayang Bilksaar binti Haji

Kabri dari Maktab Anthony Abell.

Peraduan syarahan dan menghafaz ayat-ayat lazim kali pertama bagi sekolah-sekolah dan maktab-maktab di Daerah Belait telah berlangsung pada 10 September lepas di Dewan Sekolah Menengah Perdana Wazir di sini.

Seramai 10 orang peserta yang mewakili lima buah sekolah-sekolah dan maktab-maktab telah menyertai peraduan yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran bahagian Kegiatan Luar Unit rohani dan dikelolakan oleh Sekolah Menengah Perdana Wazir.

Johan dalam bahagian syarahan dan menghafaz ayat-ayat lazim pada hari itu akan mewakili Daerah Belait ke peringkat negara yang akan diadakan kemudian.

Sementara itu pada hari yang sama, bertempat di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara juga telah berlangsung peraduan syarahan dan menghafaz ayat-ayat lazim bagi memilih wakil-wakil dari Daerah Brunei-Muara.

Sembilan buah sekolah-sekolah dan maktab-maktab menyertai peraduan pada hari tersebut.

Wakil dari Sekolah Menengah Berakas, Dayang Intan Khairani binti Haji Yahya menjuarai dalam bahagian menghafaz ayat-ayat lazim dan Dayang Hasline binti Haji Salleh, menjuarai bahagian syarahan.



DAYANG Hamidah binti Bagol menyampaikan syarahan yang bertajuk "Memelihara Harta Benda Awam" muncul sebagai juara. — Gambar oleh Harun Rashid.

DUA LAGI MEMELUK UGAMA ISLAM



AWANG Mohd. Faizullah ketika melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Ustaz Ismail bin Haji Sulaiman, Pegawai dari Pusat Dakwah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.



AWANG Hariz bin Abdullah ketika melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Awang Haji Mohd. Siraj, Pembantu Kanan Perkembangan Ugama, Pusat Dakwah Islamiah.

KG. MENTIRI. — Satu majlis pengislaman bagi seorang pemuda Iban, Agin Anak Unggai, 21 tahun telah berlangsung di rumah Pg. Haji Mohd. Jaafar bin Pg. Damit di sini pada hari Jumaat 11 September lepas.

Beliau yang berasal dari Sungai Ridan, Marudi, Sarawak kini dikenali dengan nama Islamnya sebagai Mohd. Faizullah bin Abdullah.

Awang Mohd. Faizullah telah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Ustaz Ismail bin Haji Sulaiman, Pegawai dari Pusat Dakwah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Brunei Darussalam.

Majlis pengislaman itu juga telah diserikan dengan zikir marhaban dan bacaan doa selamat.

Sementara itu satu majlis pengislaman bagi seorang pemuda China Awang Chu Wai-Keong berusia 23 tahun telah dilaksanakan pada 28 Ogos lalu bertempat di rumah Awang Haji Mohd. Tahir bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, Kampong Ong Sum Ping, Brunei Darussalam.

Awang Chu Wai-Keong melafazkan ikrar pengislamannya di hadapan Awang Haji Mohd. Siraj, seorang Pembantu Kanan Perkembangan Ugama dari Pusat Dakwah Islamiah, Brunei Darussalam. Beliau telah memilih nama di dalam agama Islam sebagai Awang Hariz bin Abdullah.

Antara aturcara majlis pada malam itu termasuklah penerangan-penerangan tentang agama Islam dan juga telah diserikan dengan Zikir Marhaban. Majlis tersebut telah dihadiri oleh pegawai-pegawai agama dari Pusat Dakwah Islamiah dan jemputan-jemputan khas.

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah dengan melakukan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Dalam firman Allah Subhanahu Wataala yang bermaksud: "Demi masa sesungguhnya manusia itu di dalam kerugian. Melainkan mereka beriman dan beramal salih berpesan-pesan dengan yang hak, dan berpesan-pesan dengan penuh kesabaran."

Di dalam ayat-ayat tersebut Allah Subhanahu Wataala telah memberi ingatan dan menarik perhatian seluruh manusia di mana Tuhan telah bersumpah dengan masa, ini menunjukkan betapa tingginya nilai masa, ya kata orang "masa itu emas" bahkan lebih daripada emas, kerana emas masih boleh ditawarkan, emas masih boleh dibeli dengan wang ringgit biarpun berapa banyaknya, tetapi harga masa tidak ada nilainya, hendak disamakan dengan emas jauh sekali ibarat langit dengan bumi. Emas yang luput boleh kita cari, boleh kita beli lagi, tetapi masa yang telah luput tak akan dapat ditukar ganti bahkan ia terus luput, sedikit demi sedikit, dari satu masa ke satu masa, dari satu detik ke satu detik, hendak dikembalikan semula masa yang telah luput tak mungkin sama sekali, biar pun dengan wang ringgit yang bertimbun-timbun, atau pun dengan emas yang berbukal-bukal, masa yang pergi terus pergi, yang datang tetap datang, siapa yang sedar ia akan beruntung dan siapa yang laka atau lengah tetap akan menerima kerugian di sepanjang zaman hinggalah ke akhirat.

Oleh setengah ulama menafsirkan kalimah "Al-Asri" itu dengan pengertian waktu Asar. Tuhan bersumpah dengan waktu Asar, kerana pada waktu Asarlah manusia ramai keluar, berduyun-duyun makan angin, ada yang makan angin di taman-taman bunga, ada yang di tepi-tepi pantai dan sebagainya lagi. Memang paling sesuai pada waktu Asar itu digunakan untuk bersiar-siar, sebagai melafazkan penat lelah daripada kerja di siang hari, mereka dapat menghirup nyaman udara di waktu petang dan cuaca redup yang mempersona, Ya, keindahan waktu petang yang menawan itulah ada di antara mereka yang lupa daratan, lupa Tuhan dan mereka yang beragama Islam pun turut banyak dalam urusan kenikmatan, lantas mereka tidak mengerjakan fardu Asar, seolah-olah waktu Asar sudah tidak bererti lagi. Mereka telah mempersianakan waktu Asar dengan berseronok suka hinggalah menjelang malam. Sebab itulah Tuhan bersumpah dengan waktu Asar, kerana di dalamnya mempunyai kelangan yang paling rahsia, paling genting dan paling berharga.

Akan tetapi kebanyakan manusia tidak sedar, mereka laka di bawah urusan kemaksiatan, masa yang diberi oleh Allah diabaikan, mereka tidak dapat menggunakan masa dengan semestinya, mereka tidak

membahagi-bahagikan masa kadang-kadang dalam sehari semalam.

24 jam habis begitu sahaja dibuang percuma. Barang sesaat pun tidak ada yang diluangkan untuk membuat amal-amal kebajikan, sehingga untuk mengerjakan sembahyang pun beralasan tidak ada masa. Kononnya sibuk dengan urusan, padahal apa yang diuruskan hanya urusan untuk kepentingan diri sendiri dengan memuaskan hawa nafsu dikancah maksiat.

Bagi kita umat Islam tidaklah wajar mensia-siakan gunakanlah masa yang diberi oleh Allah itu dalam sehari semalam dua puluh empat jam itu dengan pembahagian yang betul, kalau boleh hendaklah dibahagi masa untuk berbakti kepada Allah, masa untuk berkhidmat dengan urusan masyarakat dan masa untuk keperluan diri dan keluarga.

Alangkah beruntungnya mereka yang dapat mempergunakan pembahagian masa seperti yang dikehendaki dengan betul maka mereka itulah orang-orang yang benar-benar beriman yang sentiasa melakukan amal-amal salih, yang sanggup berkata dengan perkara-perkara yang hak di samping mempunyai ketabahan dan kesabaran. Mereka tetap pergunakan kesempatan yang ada untuk membuat amal-amal kebajikan sama ada untuk keperluan diri terhadap masyarakatnya. Mereka tahu menghargai masa. Kesuntukan masa bagi mereka bukan bererti tidak ada masa dalam ertikata sibuk dengan kerja-kerja maksiat, tetapi mereka kekurangan masa untuk diisi dengan amal-amal kebajikan iaitu untuk agama mahupun masyarakat.

Orang yang beriman sentiasa berwaspada mengawal masa dari terbuang dengan sia-sia, mereka sangat menanti masa, kedatangannya dirindui dan kehilangan direstui, sebab itu mereka dapat menjaga masa muda dengan baik sebelum tiba masa tuanya, masa sihat sebelum datang sakitnya, masa kaya sebelum jadi miskin, masa senang sebelum dilanda susah dan masa hidup sebelum menemui mati Ya, mereka itulah orang-orang yang beruntung mendapat keredaan Allah dengan menerima ganjaran di sepanjang hayat.

Walau bagaimanapun penyesalan terakhir belumlah tiba, bak kata menyesal dahulu pendapatan menyesal kemudian buruk padahnya. Sekarang kita masih berpeluang untuk balik semula kepangkal jalan, lorong amal kebajikan masih terbentang luas, pintu taubat belum tertutup, jangan tunggu sampai ke pintu kubur atau semasa di padang Mahsyar baru sedar. Yang sudah biarlah ia pergi yang akan datang harus dihadapi, janganlah hidup penuh dengan pura-pura, Tuhan Maha mengetahui terhadap sesuatu baik yang nyata mahupun yang tersembunyi.



MENGGUNAKAN SETIAP KESEMPATAN UNTUK AMAL KEBAJIKAN

Oleh itu penuhilah masa yang masih tinggal sedikit lagi ini dengan amal-amal bakti, kerjakanlah suruhan Allah dan tinggalkanlah segala larangan-Nya, bertaubatlah sungguh-sungguh dari sekarang, kerana tidak ada orang yang sunyi daripada membuat kesalahan, lalai dan lupa adalah memang sudah menjadi lumrah manusia.

Ajal seseorang itu tidak siapa yang tahu, mungkin kita boleh hidup lebih lama, dan mungkin kita boleh hidup

hingga besok bahkan mungkin hanya tinggal beberapa minit sahaja lagi.

Ibnu Umar berkata, maksudnya: "Semasa engkau berada di waktu petang jangan menanti datangnya Subuh, begitulah pula semasa engkau berada di waktu Subuh jangan menanti datangnya waktu petang, buatlah amal kebajikan semasa engkau sihat dan sebelum engkau menemui mati." Dalam ertikata sediakan payung sebelum hujan.

Mencari ketenangan, ketenteraman dengan mengingati Allah

SETIAP manusia itu sentiasa bercita-cita untuk dapat merasakan dan menikmati ketenteraman jiwa dan ketenangan hati. Oleh itu ia akan tetap berusaha untuk mencapainya walau dengan usaha dan cara yang salah sekalipun.

Memang ada dua macam keadaan semula jadi yang silih berganti datang menimpa hati manusia, iaitu ketenteraman dan kerungsingan, namun yang jelas bahawa manusia itu hanya inginkan ketenteraman, tidak inginkan kerungsingan ataupun kesusahan. Akan tetapi apa boleh buat kerungsingan atau kesusahan hati itu tetap juga datang menimpanya.

Oleh kerana itu, kita tidak hairan kalau ada di antara manusia yang sudah melampau; iaitu sanggup menghisap dadah, morfin dan ganja, walaupun cara ini adalah salah dan dapat membahayakan diri dan masyarakat. Sanggup memabukkan dirinya dengan minum arak, walaupun cara ini adalah haram. Sanggup menghamburkan harta sampai membazir, walaupun cara ini adalah cara syaitan. Dia melakukan ini semua kononnya mahu mencari ketenangan dan mahu menghilangkan kerungsingan.

Kerungsingan atau kesusahan itu memang tidak dapat dielakkan, ini adalah disebabkan oleh kerana manusia itu sentiasa tidak pernah merasa puas, iaitu dengan adanya peristiwa atau keadaan yang menimpanya, yang bertentangan dengan kehendak dan keinginannya; seperti ditimpa kebakaran, kematian, kemalangan jiwa dan harta, ataupun difitnah, dicemuh, dimarahi dan sebagainya.

Semua peristiwa yang seperti ini, yang boleh menyebabkan hilangnya ketenteraman dan datangnya kerungsingan hati itu adalah datangnya daripada Allah

Menuju keredaan Allah

Taala dan sudah pun ditakdirkan-Nya.

Walaupun apa jua usaha dan cara untuk menghindarkan diri dari peristiwa-peristiwa itu dan dari akibat-akibatnya, namun ia tetap juga akan datang menimpa, dan cara sebahagian manusia mengatasi akibat-akibatnya itu dengan cara yang salah iaitu seperti yang disebutkan di atas tadi, sekali-kali tidak akan berjaya dan mereka tidak akan dapat merasai hakikat ketenteraman hati dan kerungsingannya tidak akan hilang, bahkan akan bertambah lagi.

Di dalam masalah ketenteraman dan kerungsingan hati ini, orang-orang mukmin mempunyai kelebihan dan pedoman iaitu dengan adanya iman di dada dan keyakinan terhadap semua takdir dan peristiwa yang menimpa dirinya yang hanya datang daripada Allah Taala, dia akan menghadapinya dengan hati yang tenang, dan akan selalu mengingat akan kebesaran dan keagungan Allah Taala.

Allah Subhanahu Wataala berfirman di dalam Al-Quran Surah Ar-Ra'ad ayat 28, kira-kira bererti:

"(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan dzikru'llah. Ketahuilah! Dengan "dzikru'llah" itu, tenang tenteramlah hari manusia."

Kalau kita merasai kerungsingan atau kesusahan, ingatlah kepada takdir dan keagungan Allah, nescaya ketenteraman hati akan dapat dinikmati.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-WAKTU sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 16 September hingga ke hari Selasa 22 September, 1987 adalah seperti di bawah ini:—

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Berakhir	Mulai	
September												
16	12.18	3.19	3.20	6.19	6.20	7.28	7.29	5.01	4.47	5.02	6.10	6.11
17	12.17	3.19	3.20	6.18	6.19	7.27	7.28	5.01	4.47	5.02	6.10	6.11
18	12.17	3.20	3.21	6.18	6.19	7.27	7.28	5.01	4.47	5.02	6.10	6.11
19	12.17	3.20	3.21	6.17	6.18	7.26	7.27	5.01	4.47	5.02	6.10	6.11
20	12.16	3.20	3.21	6.17	6.18	7.26	7.27	5.01	4.47	5.02	6.10	6.11
21	12.16	3.20	3.21	6.16	6.17	7.25	7.26	5.00	4.46	5.01	6.09	6.10
22	12.15	3.21	3.22	6.16	6.17	7.25	7.26	5.00	4.46	5.01	6.09	6.10

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.



Pertanian

TERNAKAN LEBAH YANG BOLEH MENGUNTUNGKAN

MADU lebah merupakan sejenis minuman yang digemari oleh hampir semua bangsa di dunia sejak dari dahulu kala lagi. Setengah-setengah orang apabila saja lahir anak damitnya mereka akan mencicipkan sedikit madu ke mulut anak damit itu sebagai makanan yang mula-mula sekali dirasainya di dunia.

Kita tahu madu lebah bukanlah senang untuk mendapatkannya, kerana ia dimiliki oleh sejenis serangga yang juga digelar penyengat yang mempunyai racun yang bisa. Di negara kita lebah jenis ini dikenali juga sebagai "penyengat balaing".

Untuk mendapatkan madunya seseorang itu memerlukan kemahiran dan keberanian, kerana silap sedikit bererti kita mencari penyakit. Sakit dari sengatan penyengat bukannya calang-calang bahkan boleh menyebabkan kematian. Tetapi ada juga jenis lebah yang sengatannya tidak terlalu bisa.

Namun begitu, madu lebah tetap menjadi buruan manusia dan juga kebanyakan binatang. Rahsianya adalah khasiatnya! Ia mempunyai khasiat yang tinggi untuk kesihatan tubuh badan, kerana madu yang dihasilkan oleh lebah itu adalah dari berbagai jenis bunga-bunga yang segar dan bersih.

Memandangkan madu lebah yang begitu digemari, berbagai cara telah dicuba oleh pakar-pakar ternak bagaimana untuk menternak

dan menjinakkan lebah. Akhirnya mereka menemui jalan dan berjaya pula menghasilkan madu lebah untuk pasaran yang boleh menguntungkan. Kalau dulu penyengat balaing sangat

ditakuti kini boleh menjadi kawan dan dibuat main. Ini kita boleh saksikan di dalam filem-filem rencana yang memperlihatkan betapa sang lebah yang berbisa itu boleh dijinakkan sehingga hinggap

Oleh Timbang Bakar

Gambar-gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO



AWANG Abd. Hamid sedang memeriksa sarang lebah untuk mengetahui banyak madunya.



KOTAK-kotak hitam ini dipanggil koloni di mana sarang-sarang lebah ditempatkan.

di muka dan di badan manusia beribu-ribu banyaknya tanpa menyengat orang itu.

Hal ini lebih terbukti lagi, kerana di negara kita juga sudah ada percubaan projek pemeliharaan lebah. Projek ini diungkapkan oleh Pusat Latihan Pertanian Sinaut di Daerah Tutong. Tetapi projek ini belum begitu berkembang, kerana ia masih di peringkat pemerhatian (observation).

Projek ini diawasi oleh seorang pensyarah di pusat itu, Awang Abd. Hamid bin Sawal. Menurut beliau lebah-lebah yang ada di pusat itu didatangkan dari Taiwan iaitu jenis Apis Mellifera.

Lebah-lebah itu ditempatkan di dalam satu kotak yang dipanggil koloni. Satu koloni itu mengandungi kira-kira 5000 ekor lebah pekerja dan seekor ratu (queen).

Dalam satu koloni itu terdapat 10 kom iaitu merupakan satu pemedang kayu empat segi (frame) di mana lebah-lebah itu membuat sarang. Di sarang-sarang inilah lebah-lebah itu menyimpan madu yang telah dihisapnya dari bunga-bunga dan pada sebahagiannya bagi menempatkan anak-anak lebah.

"Penyengat-penyengat ini sudah jinak, tetapi kalau ia tersepit atau dipukul ia akan menyerang kita juga," ujar Awang Abd. Hamid me-

nerangkan sambil memegang salah satu dari sarang penyengat yang beliau keluarkan dari koloni.

Awang Abd. Hamid pernah menjalani kursus singkat di Semenanjung Malaysia khususnya mengenai ternakan lebah ini. "Pada mulanya saya tidak yakin saya boleh melakukan tugas ini, kerana saya takut disengat, tetapi setelah dicuba akhirnya perkara itu dapat diatasi," beliau menceritakan pengalamannya.

Setiap satu koloni keluarga penyengat itu, jelas Awang Abd. Hamid terdiri dari empat golongan: golongan yang tunggal ialah ratu (queen). Setiap koloni atau sarang lebah di mana-mana jua hanya terdapat seekor ratu yang merupakan raja atau pemerintahnya. Tugas ratu ini semata-mata mengeluarkan telur untuk bakal generasi lebah yang baru. Badan ratu ini lebih besar dari lebah jantan atau lebah pekerja.

Golongan kedua ialah lebah jantan yang bertugas untuk menurunkan zuriat di samping tugas-tugas sampingan yang lain. Manakala golongan ketiga ialah lebah pekerja yang paling ramai bilangannya. Mereka ini bertugas mencari makanan iaitu madu. Mereka boleh terbang sejauh 1½ km dari sarangnya untuk mencari madu. Walaupun badannya


kecil tapi golongan ini kuat bekerja di samping mencari makanan mereka juga membuat sarang.

Golongan yang satu lagi ialah golongan askar. Mereka inilah yang mempertahankan sarang, madu, ratu dan anak-anak lebah apabila diganggu, terutama sekali ketika madunya sudah banyak ia tidak mudah menyerang kita, ujar Awang Abd. Hamid menjelaskan.

Ditanya berapa lamakah lebah-lebah itu boleh mengeluarkan madunya, Awang Abd. Hamid berkata ini tertakluk kepada banyak dan mudahnya bunga-bunga didapati di kawasan itu. Setiap satu sarang lebah katanya boleh menghasilkan madu sebanyak ½ botol lemonade dalam masa antara 1 hingga 3 bulan.

Untuk mengeluarkan madu dari sarangnya terlebih dahulu lebah-lebah itu disingkirkan perlahan-lahan dari komnya kemudian sarang itu dimasukkan ke dalam mesin 'penggempar' (honey extractor). Bahagian dalam mesin itu akan dipusing dengan kelajuan yang sekira-kira tidak merosakkan sarang lebah tersebut. Ini lebih baik dari memerah sarang tersebut. Kalau diperah sarang itu akan rosak dan memakan masa untuk lebah-lebah membuatnya semula.

Lihat muka 8



KUMPULAN lebah pekerja sedang bekerja di sarangnya.



LEBAH-lebah ini sedang menghisap madu dari bunga jagung.

Penggunaan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah PENUNTUT-PENUNTUT PERLU DIBERI GALAKAN

GADONG. — Pemangku Timbalan Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Datin Hajjah Azizah menegur teagah guru-guru yang sudah pandai bertutur bahasa Melayu yang kurang

Oleh: Dk. Fatimah

memberikan galakan kepada penuntut-penuntut dalam menggunakan Bahasa Ing-

geris di sekolah atau bilik darjah semasa mata pelajaran Penghantar Bahasa Inggeris.

Keadaan seperti itu, tegas beliau tidak akan dapat memperbaiki penguasaan penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan murid-murid atau penuntut-penuntut itu malah ianya akan mengakibatkan kemerosotan pembelajaran Bahasa Inggeris dan pencapaian mata pelajaran yang lain terutama sekali jika sikap tidak gemar membaca diamalkan oleh mereka.

Datin Hajjah Azizah berucap ketika merasmikan bengkel pembelajaran Bahasa Inggeris dan pameran buku yang diadakan pada 9 September lepas di Perpustakaan UBD/IPSHB, Datin Hajjah Azizah berkata, "Kita sama-sama maklum bahawa kejayaan dalam menguasai sesuatu bahasa itu bukan setakat mempelajari bahasa itu bahkan memakainya. Adalah mustahak bagi guru-guru sentiasa menggalakan pemakaian Bahasa Inggeris dalam berkomunikasi dengan murid-murid atau di antara murid-murid itu sendiri."

Katanya, jika masalah ini tidak diatasi maka kesannya akan berlarutan seperti yang ternampak di kalangan sebilangan pelajar pengajian tinggi yang masih lemah menggunakan Bahasa Inggeris semasa dalam perbincangan dan menulis secara kritikal di mana mereka tidak berupaya membuatnya.

Pemangku Timbalan Naib Canselor UBD itu, bersetuju dengan penggunaan Bahasa Inggeris yang cukup dan baik dari peringkat rendah lagi akan membolehkan seorang murid berkeupayaan mengikuti hampir keseluruhan mata pelajaran penghantar Bahasa Inggeris yang membolehkan penuntut itu berjaya di mana-mana jua peringkat pelajaran. Kerana ini adalah asas kepada pembelajaran matapelajaran yang lain.

Seramai 48 orang guru-guru sekolah rendah di negara ini menghadiri bengkel tersebut yang berlangsung selama 8 hari. Ianya dianjurkan bersama oleh British Council, Jabatan Kurikulum Kementerian Pelajaran dan Jabatan Bahasa Inggeris Universiti Brunei Darussalam.

Bengkel itu akan mendedahkan beberapa aspek pembelajaran dan pengajaran Bahasa Inggeris di peringkat rendah dalam usaha untuk memberikan pengajaran yang sempurna dan berkesan di bilik darjah. Bengkel ini juga diharapkan memberikan nafas baru kepada teknik atau kaedah dalam pengajaran Bahasa Inggeris di samping meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa itu di sekolah-sekolah.



PEGAWAI Memerintah Pusat Latihan Leftenan Kolonel Awang Ibrahim Haji Jumaat menyampaikan perisai kemenangan kepada Ketua Platoon SMB yang muncul sebagai juara keseluruhan kejohanan menembak antara kadet-kadet sekolah. — Gambar oleh Harun Rashid.

Kejohanan menembak antara kadet-kadet sekolah

BINTURAN. — Sekolah Menengah Berakas SMB muncul sebagai juara Keseluruhan Kejohanan Menembak antara kadet-kadet sekolah di kompleks lapangsaan di sini yang berlangsung pada 4 dan 11 September yang lalu.

SMB memperolehi mata keseluruhan berjumlah 1,052 mata iaitu sejumlah 1,020 mata melalui acara roudell dan dalam acara snap pula memperolehi 32 mata.

Naib juara diduduki oleh Sekolah Menengah Muda Hashim Tutong SMMH dengan memperolehi mata sejumlah keseluruhan berjumlah 998, iaitu 966 dalam acara roudell dan 32 mata dalam acara snap, manakala tempat ketiga ialah Sekolah Menengah Jamalul Alam SMJA dengan memperolehi mata keseluruhan berjumlah 980 iaitu 960 mata melalui acara roudell dan 20 mata dalam acara snap.

Penyandang juara kejohanan ini tahun lalu iaitu Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, menduduki tempat keempat dengan memperolehi 948 mata. Mereka memperolehi 924 mata dalam acara roudell dan dalam acara snap pula memperolehi 24 mata.

Dalam acara snap berpasukan, Maktab Anthony Abell Seria muncul sebagai juara dengan memperolehi sejumlah 44 mata dan naib juara ialah Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar Temburong SSMH dengan memperolehi mata sejumlah 32 mata.

Dalam acara terakhir pula iaitu menjatuhkan piring-piring besi di antara platun-platun, SMB keluar sebagai juara dan SMMH menjadi naib juara.

Sementara itu seramai tiga orang penembak telah dipilih sebagai penembak terbaik, iaitu Sarjan Abu Bakar dari SMJA, Leftenan Ahmad dari AAC, dan Leftenan Ak. Ismail dari SMAT.

Seramai 150 orang kadet dari 10 buah sekolah

menengah di seluruh negara menyertai kejohanan itu dan hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Pegawai

Memerintah Pusat Latihan ABDB, Leftenan Kolonel Awang Ibrahim bin Haji Jumaat.



PERLAWANAN terakhir bagi menembak jarak 100 meter. — Gambar oleh Harun Rashid.

Penukaran kod telefon ke Sabah dan Sarawak

PENGARAH Telekom mengumumkan bahawa mulai dari jam 0001 pada 12 September 1987, pelanggan-pelanggan hendaklah mendail kod Malaysia '60' diikuti oleh '8' iaitu '608' untuk panggilan-panggilan ke Sabah dan Sarawak. Dengan penukaran ini, semua ibusawat-ibusawat di Sabah dan Sarawak boleh didail terus oleh pelanggan-pelanggan Brunei Darussalam yang mempunyai kemudahan Dail Terus Antarabangsa (IDD) seperti berikut:

IBUSAWAT	KOD
BINTULU	6086
KOTA KINABALU	6088
KUCHING	6082
LABUAN	6087
LIMBANG	6080
MIRI	6085
SANDAKAN/TAWAU	6089
SIBU/KAPIT	6084
SRI AMAN (SIMANGGANG)	6083

Kod laluan lama '68x' adalah sekarang diuntukkan kepada negara-negara Pulau Pasifik.

300 orang Pandu Puteri sertai minggu kerja

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam kini masih meneruskan minggu kerja tahunan persatuan itu sehingga esok.

Di Daerah Brunei dan Muara hari pelancarannya telah diadakan di kawasan letak kereta Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri di sini 11 September lepas.

Di antara rumah yang awal mereka kunjungi ialah tempat kediaman Pesuruhjaya Pandu Puteri Negara, Datin Paduka Hajjah Zaharah binti Haji Idris, Isteri Menteri Perhubungan Negara Brunei Darussalam dan rumah kediaman Timbalan Yang Di-Pertua II Persatuan Pandu

Puteri, Datin Masni binti Haji Ali, Isteri Menteri Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.

Minggu kerja selama seminggu itu telah melibatkan lebih 300 orang pandu puteri di seluruh negara. Mereka mencari kerja dari rumah ke rumah bagi mengutip tabung persatuan itu dan sebahagian daripada hasil kutipan akan didermakan untuk tabung kebajikan kebangsaan.

Sebelum itu, di hari pelancaran mereka terlebih dahulu diberikan taklimat untuk panduan mereka sewaktu melakukan kerja-kerja di rumah yang dikunjungi dan juga panduan mereka ketika berada di jalan raya.



MEREKA kelihatan sedang membersihkan ruangan tamu di salah sebuah rumah yang dikunjungi. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.



KELIHATAN dua orang pandu puteri sedang menampalkan pelekat menandakan bahawa rumah tersebut telah siap mereka bersihkan. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.



RBA BUKA DUA LAGI EJEN BARU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) dalam usahanya untuk mengembangkannya perkhidmatan syarikat berkenaan telah menjalankan berbagai-bagai usaha terutama sekali bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada orang ramai.

Baru-baru ini RBA telah melantik dua lagi ejen-ejen penjual tiket bagi syarikat tersebut di negara-negara Thailand dan Semenanjung Malaysia.

Ejen-ejen penjual tiket tersebut terdiri dari Skylink Travel Company yang terletak di 942/52, Charn Issra Tower, Tingkat Dua, Jalan Rama IV,

Bangkok, Thailand dan Blue Moon Travel Sendirian Berhad yang terletak di Tingkat Satu, Wisma Merlin, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur, Malaysia.

Tuan Yang Terutama Pengiran Dato Paduka Haji Jeluddin, Pesuruhjaya Tinggi Brunei Darussalam ke Malaysia telah merasmikan pelancaran ejen penjual tiket RBA bagi Semenanjung Malaysia sementara Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Abd. Hamid bin Jaafar, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Thailand merasmikan pelancaran ejen penjual tiket RBA bagi Thailand.

TUAN Yang Terutama, Pengiran Dato Paduka Haji Jeluddin, Pesuruhjaya Tinggi Brunei Darussalam ke Malaysia dua dari kiri hadir selaku tetamu kehormat di majlis pelancaran ejen penjual tiket RBA bagi Semenanjung Malaysia (atas kiri). Sementara gambar atas kanan kelihatan Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Abd. Hamid memotong riben menandakan perasmian ejen penjual tiket RBA yang baru bagi Thailand. — Gambar Ihsan RBA.

Demi menjamin negara bertambah maju dan mantap

GOLONGAN BELIA DISERU UTAMAKAN BIDANG PELAJARAN

Oleh Dk. Fatimah

GADONG. — Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani menggesa golongan belia di negara ini supaya sentiasa mengutamakan pelajaran mereka demi menjamin negara ini berkembang maju di bidang ekonomi dan bertambah mantap lagi di bidang politik dalam dan luar negeri.

Katanya, kemajuan di bidang ekonomi dan politik ini akan meletakkan negara kita yang amat tercinta dalam keadaan aman makmur dan bahagia selamanya.

Pengiran Badaruddin yang juga selaku Yang Dipertua Majlis Belia-Belia Brunei (MBB) berkata demikian di majlis perasmian Perkhemahan Tahunan Persatuan Pengakap Daerah Brunei dan Muara pada 12 September lepas di Ibu Pejabat Pengakap di sini.

"Untuk menjadikan sebagai golongan belia yang berjaya haruslah ada kepercayaan dan keimanan yang kuat di bidang agama. Ajaran-ajaran agama Islam yang suci murni akan membentuk golongan belia itu dengan sifat-sifat yang terpuji seperti jujur dan amanah," tambah Pengiran Badaruddin.

"Ajaran-ajaran agama Islam yang dimiliki bersama ilmu pengetahuan akan mem-

bolehkan awang-awang dan dayang-dayang menjadi anggota masyarakat yang berguna kepada bangsa dan negara dan seterusnya dapat menghindarkan diri masing-masing dari segala kejahatan dan masalah masyarakat seperti penyalahgunaan najis dadah," tegas beliau.

Sehubungan dengan itu, Pengiran Badaruddin menyeru supaya ahli-ahli Persatuan Pengakap supaya akan mengamalkan sikap berdisiplin, berbakti dan bergiat mencurahkan bakti yang sebaik-baiknya kepada kerajaan, bangsa dan negara.

Majlis pada hari itu, dimulakan dengan ucapan oleh Yang Dipertua Majlis Pengakap Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Ahmad bin Mudim Bakar, yang

berharap supaya perkhemahan ini akan menjaga keselamatan para pengakap dan menjauhi dari pengaruh dadah dan lain-lain yang tidak diinginkan oleh undang-undang kerajaan dan agama.

Perkhemahan itu bertemakan "Berdisiplin, Bergiat dan Berbakti" dan bertujuan untuk meng-

pulkan semua pengakap dari berbagai-bagai cawangan dan sekolah-sekolah di Daerah Brunei-Muara untuk bertemu mesra dan mengenali di antara satu dengan lain serta menjalin tali persaudaraan.

Seramai 200 orang peserta mengambil bahagian di perkhemahan tersebut.

Jubli Perak PESAKA

TUTONG. — Persatuan Melayu Keriam Tutong (PESAKA) akan mengadakan sambutan Jubli Perak yang akan dilangsungkan di Dewan Sekolah Rendah Keriam di sini pada 18 September ini.

Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji

Awang Hussien, akan merasmikan sambutan tersebut.

Sambutan yang akan diadakan selama tiga hari itu diisi dengan peraduan urusan rumahtangga dan kerjatangan, malam kesenian dan kebudayaan, sukan dan olahraga, malam keugamaan serta pameran sejarah PESAKA (1960-1985).

Sambungan dari muka 6

Sebenarnya lebah-lebah yang menghasilkan madu yang banyak ada tiga jenis: Lebah rimba (Apis dorsata), jenis ini belum boleh dijinakkan kerana ia jenis liar yang biasa hidup di hutan belantara; lebah neron (Apis cerana) dan lebah lalat (Apis florea). Jenis ini banyak terdapat di negara kita, kadangkala mereka membuat sarang di rumah-rumah dan di pokok-pokok yang rendah.

Menarik lebah bukanlah suatu pekerjaan yang terlalu susah. Menurut Awang Abd. Hamid rumah-rumah lebah itu hendaklah ditempatkan di kawasan-kawasan redup dan berhawa sederhana dan terhindar dari angin yang kejuannya melebihi 20 km sejam.

Sekiranya bunga-bunga tidak mencukupi lebah-lebah itu perlu diberi makan gula untuk mengelakkan dari kematian. Di kaki atau tiang rumah-rumah lebah itu juga mestilah disimpan minyak supaya semut dan lain-lain serangga tidak dapat masuk ke sarangnya.

Sebenarnya tujuan utama projek pemeliharaan lebah yang dijalankan di Pusat Latihan Pertanian Sinaut ini ialah untuk membantu proses pendebungaan pokok buah-buahan yang ditanam di pusat tersebut, demikian dijelaskan oleh Awang Abd. Hamid.

Menurut beliau lagi, proses pendebungaan atau

pengahwinan bunga-bunga yang berlaku semasa lebah-lebah itu menghisap madu dari satu bunga ke satu bunga yang lain peluang bunga-bunga tersebut menjadi buah adalah lebih efisien dari yang dilakukan oleh angin.

Mungkin tidak ramai yang tahu tentang sumbangan lebah yang begitu penting dalam membantu penghasilan pokok buah-buahan yang kita tanam, tetapi dari kajian terbukti itulah kenyataannya dan kalau kita perhatikan sendiri dengan sungguh-sungguh kita juga tidak dapat menolak kenyataan ini.

Namun demikian, projek pemeliharaan lebah ini juga akan berfungsi sebagai ternakan untuk menghasilkan madu. Kerana sebagaimana yang kita tahu madu lebah mendapat pasaran yang baik di negara kita. Kalau madu yang masih 'fresh' yang dijual di dalam botol orange squash atau sun valley berharga antara \$25 dan \$30 sebotol, demikian juga madu-madu import yang dijual di pasar-pasaraya harganya juga agak mahal.

Memandangkan kedudukan tersebut, kita berkeyakinan bahawa ternakan lebah boleh mendatangkan keuntungan. Pusat Latihan Pertanian Sinaut sedia membantu memberikan nasihat dan tunjuk ajar kepada mereka yang berminat dalam bidang ternakan yang baru ini.



PENGARAH Penyiaran dan Penerangan Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani sedang memerhatikan hasil kerjatangan sebahagian dari para pengakap. Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

rtb Intisari minggu ini



Sudut Remaja

SUDUT Remaja Minggu Ini akan diisikan oleh Dk. Masemah Pg. Masemran. Sebelum ini dia pernah menyandang sebagai Juara Bintang Remaja '87. Berkebolehan menyanyi dalam apa jua irama lagu,

lebih-lebih lagi irama yang paling disenangi oleh golongan remaja.

Ikutilah persembahannya pada hari Isnin 21 September, jam 4.00 petang.

Sandiwara Radio:

"Kaca Mata Cinta"

MINGGU ini Sandiwara Radio berjudul 'KACA MATA CINTA,' tulisan A. Mohammad Hj. Timbang, Negara Brunei Darussalam.

Kisah pecah rumah menjadi tema dalam sandiwara ini, di mana penulis cuba membentangkan usaha-usaha pihak polis untuk menumpaskan kumpulan jahat yang sering mengganggu ketenteraman orang ramai dengan mencuri wang dan barang-barang yang berharga.

Inspektor Lokman berharap tugas yang sukar ini dapat diselesaikan oleh orang-orang bawahannya termasuk Sarjan Dollah dan Mata-Mata Rahimah. Walau bagaimanapun tugas itu, tapi demi untuk keamanan negara, mereka terpaksa mengatasinya.

Rahimah mempunyai seorang teman lelaki bernama Rasyid, yang telah lama dikenalnya. Ketika mula-mula mengenali Rasyid, ia masih belum mempunyai sebarang pekerjaan. Rahimah sering mencabarnya agar ia le-

bih bertindak sebagai seorang lelaki. Dalam pada itu pula, Rasyid pula tidak pernah mengetahui pekerjaan Rahimah sebenarnya. Ia menganggap Rahimah hanyalah seorang kerani.

Dengan bantuan seorang teman yang datang dari negeri asing yang masuk secara menyeludup ke negeri ini, Rasyid akhirnya mendapat pekerjaan yang dicarinya selama ini. Pada mulanya, ia agak keberatan juga untuk menerimanya, kerana pekerjaannya itu agak merbahaya.

Oleh kerana tidak ada pilihan lain, akhirnya Rasyid menerima juga tawaran itu. Keadaan menjadi kelam-kabut bila rumah orang tua Rahimah sendiri dimasuki pencuri. Rahimah kehilangan jam tangannya. Kisah ini lebih menarik bila Rahimah menerima jamnya yang hilang itu sebagai hadiah dari seseorang. Siapakah yang menghadiahkan jam itu? Ikutilah kisah selanjutnya pada 20 September, 1987, jam 11.30 pagi.

Radio Minggu Ini:

RADIO BRUNEI SEPANJANG TAHUN HIJRAH 1407

SEPANJANG tahun 1407 Hijrah yang baru berlalu, Radio Brunei memang banyak menyiarkan rancangan-rancangan yang berbentuk keagamaan. Sesuai dengan peranannya sebagai media kerajaan, penyebaran agama Islam keseluruh pelusuk negara ini adalah merupakan salah satu perkara penting, dan amat dititikberatkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Tahun Hijrah sememangnya mempunyai pengertian yang amat mendalam dalam diri setiap umat Muslimin di manamana pun. Jika ditoleh ke belakang, semasa permulaan perkembangan agama Islam di tanah Arab lebih dari 14 abad dulu, penyebaran agama yang maha suci ini hanyalah dilakukan dengan kekuatan moral para pendakwahnya. Penyebarannya tanpa menggunakan alat-alat perhubungan moden, seperti alat-alat komunikasi yang ada sekarang ini. Namun begitu, ajaran dan syiar Islam tetap bersemarak di pelusuk dunia.

Tetapi, sekarang ini manusia telah mencipta dan mempunyai berbagai alat teknologi moden. Menerusi alat-alat berkenaan iaitu seperti radio dan televisyen, maklumat-maklumat berhubung dengan perkembangan agama Islam di mana-mana dapat diketahui dengan terang dan jelas. Sebagai negara Islam dalam geografi dunia, Negara Brunei Darussalam juga dianggap salah sebuah negara yang banyak memainkan peranannya di dalam pengajaran dan syiar agama Islam. Sebagai salah sebuah negara yang mendaulkan agama Islam di dalam semua aspek kehidupan dan pentadbiran pemerintahan, perkembangan agama Islam di negara ini tidak pernah tergugat. Hal ini adalah atas sikap dan peranan yang dimainkan oleh alat sebaran am kerajaan, terutamanya media radio.

Radio Brunei satu-satunya media elektronik kerajaan yang telah diasaskan lebih daripada 30 tahun dulu, sememangnya telah berusaha dengan gigih menyiarkan suara Islam ke udara. Pada saat-saat ini pula Radio Brunei telah memasuki ambang tahun Hijrah 1408. Tentulah di dalam pengertian Hijrah ini semua rancangan-rancangan yang mempunyai unsur keislaman akan menarik hati para pendengarannya, khususnya umat Muslimin supaya lebih bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala.

Tahun Hijrah 1407 telah kita lalui dengan ber-

bagai-bagai kenangan. Radio Brunei sememangnya banyak merakamkan peristiwa-peristiwa berkecemasan. Di antara berbagai-bagai peristiwa yang dirakamkan oleh Radio Brunei ialah kemangkatan Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, yang mangkat pada 3 Muharam, 1407. Di samping itu, berbagai-bagai peristiwa lagi yang berlaku di negara ini, khususnya yang mempunyai hubungan dengan perkembangan agama Islam di negara ini. Salah satu peristiwa yang menggembirakan hati umat Muslimin di negara ini ialah keberangkatan Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolqiah Mu'izzaddin Waddaulah, menunaikan fardu haji ke Mekah pada 21 Zulkaedah, 1407 dan seterusnya berangkat balik ke Brunei Darussalam pada 12 Zulhijah, 1407.

Sesungguhnya, sepanjang tahun Hijrah 1407 yang baru saja berlalu, Radio Brunei banyak memainkan peranannya di dalam menghebah hal-hal keagamaan sama ada berbentuk berita, laporan-laporan, majalah, pendidikan dan sebagainya.

Diucapkan selamatмети tahun baru Hijrah 1408.



Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Tutong, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah bermula pada 9 September, 1987.

BANDAR SERI BEGAWAN — 2085

1. Aji-No-Moto (350g) sebungkus \$1.50.
 - a) Kedai Liong Chuan, Jalan McArthur.
2. Makanan Ayam (Gemuk) 1 kilogram \$1.00/1 kati 60 sen.
 - a) Kedai Eng Leong, No. 8, Jalan McArthur.
3. Tepung Gandum (Prima) 1 kilogram \$1.00/1 kati 60 sen.
 - a) Kedai Eng Leong, No. 8, Jalan McArthur.

TUTONG — 5082.

1. Aji-No-Moto (350g) sebungkus \$1.70.
 - a) Chop Wah Kee, No. 6 Jalan Enche Awang.
2. Makanan Ayam (Gemuk) 1 kilogram \$1.00/1 kati 60 sen.
 - a) Chop Wah Kee, No. 6 Jalan Enche Awang.
3. Tepung Gandum (Prima) 1 kilogram \$1.00/1 kati 60 sen.
 - a) Lim Kian Seng, No. 3, Jalan Enche Awang.

SERIA — 7087

1. Aji-No-Moto (350g) sebungkus \$1.70.
 - a) Kedai Yick Fatt, Lot 2660, Jalan Sultan Omar Ali.
2. Makanan Ayam (Gemuk) 1 kilogram \$1.00/1 kati 60 sen.
 - a) Kedai Sim Fatt Hin, No. 74, Jalan Bunga Kenanga.
3. Tepung Gandum (Prima) 1 kilogram \$1.10/1 kati 65 sen.
 - a) Kedai Foo Hap Shing, No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.
 - b) Kedai Chop Koh Seng Heng, No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.

KUALA BELAIT — 6083

1. Aji-No-Moto (350g) sebungkus \$1.60.
 - a) Kedai Teo Hiang Hng, No. 45, Jalan Pretty.
 - b) Kedai Chop Yee Seng, No. 46, Jalan Pretty.
2. Makanan Ayam (Gemuk) 1 kilogram \$1.00/1 kati 60 sen.
 - a) Syarikat M. Haji, Chinese Chamber of Commerce.
3. Tepung Gandum (Prima) 1 kilogram \$1.00/1 kati 60 sen.
 - a) Kedai Koh Kit Hin, No. 28, Jalan Pretty.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

PUSAT PERHENTIAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Rendah Haji Md Salleh Sungai Hanching	21.9.1987	Isnin	8.45- 9.45 pagi
Sekolah Rendah Kiarong	21.9.1987	Isnin	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Menengah)	22.9.1987	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Rendah Anggerek Desa Berakas	22.9.1987	Selasa	10.30-11.30
Sekolah Ugama Haji Md Jaafar Kg Kiulap	22.9.1987	Selasa	2.45- 3.15 petang
Sekolah Ugama Kampong Mata-Mata Gadong	22.9.1987	Selasa	3.30- 4.30
Sekolah Persediaan Inggeris Sengkuring	22.9.1987	Selasa	4.30- 5.00



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa menyampai hadiah kepada rekrut terbaik dalam semua jurusan ABW 396 Dk Latifah binti Pengiran Haji Beswani (gambar atas).

GAMBAR kanan pula menunjukkan ahli-ahli Bomba Wanita sedang memperlihatkan kebolehan mereka dalam tunjukkan memadamkan kebakaran sebuah kereta pengangkut minyak (tanker) dengan menggunakan pancutan air yang kuat (spray).

GAMBAR bawah pula kelihatan ahli Bomba Wanita sibuk mengangkat tangga dari kereta Bomba untuk menyelamatkan mangsa kebakaran di sebuah bangunan. Sementara sebahagian yang lain sibuk menarik hos untuk memadamkan api kebakaran.



Era baru kerjaya PASUKAN BOMBA YANG PERMUDA TEMPAH SEMPURNA

Kaum wanita kini memasuki era baru dengan menceburkan diri dalam kerjaya bomba, yang mana satu-satunya kerjaya yang paling mencabar yang sejauh ini hanya dipelopori oleh kaum lelaki.

Pada peringkat permulaan ini, seramai 45 orang wanita telah berjaya menamatkan latihan sebagai ahli Bomba. Penglibatan mereka itu merupakan satu lagi kemajuan yang dicapai oleh kaum wanita di negara kita.

"Kerjaya bomba sangat mencabar seperti dalam tugas-tugas menyelamatkan di mana ianya memerlukan ketabahan dan keberanian," kata Rec. ABW 396 Dk. Latifah binti Pg. Haji Beswani.

Menurut Dk. Latifah salah seorang ahli Bomba Wanita yang baru tamat latihan, walaupun tugas-tugas tersebut agak mencabar namun mereka dapat melakukannya dengan penuh dedikasi.

Dayangku Latifah 22 tahun berkata; "Kerjaya itu bukanlah cita-cita saya kerana kerjaya tersebut sangat mencabar bagi kaum wanita yang tidak mampu melakukan tugas yang berat dan bahaya itu."

Walau bagaimanapun setelah difahamkan bahawa negara kita akan menubuhkan Pasukan Bomba Wanita dan memulakan pengambilan pertama bagi pasukan itu, beliau telah mengubah tekad baru untuk menceburkan diri dalam lapangan tersebut. Beliau yang sebelumnya tidak menyangka bahawa beliau akan menjadi salah seorang ahli anggota Bomba, kini telah terpilih sebagai rekrut terbaik dalam semua jurusan berikutan kebolehan beliau sewaktu menjalani kursus selama 16 minggu.

Dayangku Latifah anak kelapan dari sebelas adik-beradik begitu ghairah menceritakan pengalaman-pengalaman beliau ketika latihan asas kebommbaan di Pusat Latihan Bomba.

Katanya, selain daripada mengikuti pelajaran bertulis, mereka juga melakukan latihan-latihan pratikal yang begitu mencabar keberanian dan ketabahan mereka. Di samping itu mereka dibawa melawat ke beberapa buah jabatan-jabatan dan bangunan-bangunan kerajaan yang mempunyai alat-alat pemasangan tetap (Fixed Installation) seperti fire smoke detectors, sprinkler systems, dry risers, lifts dan sebagainya di mana kesemuanya itu adalah untuk menambahkan pengalaman mereka sebagai anggota Bomba.

Menurutnya lagi untuk menjadi seorang Bomba yang

Liputan Haniza Abdullah
Gambar-gambar oleh Haji

baik mereka hendaklah mematuhi disiplin dan perintah dari pihak atasan.

Bagi Dayang Arrisson Edin yang terpilih sebagai rekrut terbaik dalam bahagian bertulis, menyatakan rasa gembira di atas kejayaannya itu.

Kerjaya ini katanya merupakan cita-citanya sejak dari kecil lagi, walaupun ianya sangat mencabar tetapi beliau merasa puas bilamana beliau dapat memberikan perkhidmatan kepada masyarakat dan negara.

Meskipun mereka terdiri daripada golongan wanita, kegigihan dan ketabahan dalam melaksanakan tugas-tugas dan latihan-latihan yang berat berjaya ditempuh dengan sabar sebagaimana juga yang dialami oleh rekrut Bomba lelaki.

"Selama menjalani kursus asas kebommbaan 16 minggu kami telah mampu menunjukkan kebolehan kami setanding dengan kaum lelaki. Bagaimanapun pemilihan saya sebagai rekrut yang terbaik dalam bidang bertulis dalam kursus itu, tidak bererti saya benar-benar berjaya, tetapi kejayaan itu akan terus diperbaiki lagi," ujar Dayang Arrisson.



mencabar: WANITA MA RAH

dan kemudian menuntut di Maktab Teknik Sultan Saiful Rizal. Menurut beliau kerjaya sebagai ahli Bomba ini amat mencabar tetapi sungguh menyeronokkan. Dalam pada itu beliau berharap lebih ramai lagi kaum wanita di negara kita menceburkan diri dalam lapangan tersebut di masa akan datang.

"Kita tidak perlu gementar menghadapi tugas-tugas seperti itu yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita, kerana sebagai anak watan kita perlu merasa bangga kerana dapat berbakti kepada bangsa dan negara," tambah beliau bersemangat.

Berdasarkan kepada tinjauan-tinjauan itu, memang tidak dapat disangkal penglibatan kaum wanita dewasa ini hampir menandingi peranan lelaki di bidang-bidang yang tertentu seperti dalam bidang ketenteraan dan pasukan Polis. Dan kini muncul pula Ahli Bomba Wanita.

Kita berkeyakinan bahawa kaum wanita di negara ini akan terus menempah berbagai sejarah kemajuan dalam membangun dan memajukan negara.

Ungkapan: "Kaum wanita hanya sesuai di ceruk dapur" adalah kata-kata usang yang sepatutnya diketepikan kerana tidak lagi sesuai untuk masa kini.



REKRUT ABW 423 Arrissone Edin



REKRUT ABW 412 Hajjah Siti Alam binti Haji Ali.



REKRUT ABW 396 Dk Latifah binti Pengiran Haji Beswani terbaik semua jurusan.

GAMBAR kiri pula kelihatan ahli-ahli Bomba Wanita sedang beraksi cara-cara memadam api kebakaran di bangunan yang tinggi. Tangga-tangga yang panjang digunakan sambil menarik hos. Bila kebakaran berlaku di bangunan yang tinggi merupakan saat-saat yang genting dan mencemaskan. Untuk menghadapi keadaan seperti itu ahli-ahli Bomba perlu latihan yang cukup dengan menanamkan semangat keberanian, ketabahan, kecekapan dan dedikasi.

PASUKAN Ahli Bomba Wanita yang baru saja menamatkan latihan mengadakan perbarisan berjalan lalu. Mereka inilah yang telah menempah sejarah sebagai ahli Bomba Wanita yang pertama dan sebagai perintis jalan kepada kaum wanita yang lain yang akan memasuki bidang kerjaya yang penuh cabaran ini (gambar kanan).



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa memeriksa perbarisan pasukan Bomba Wanita yang telah menamatkan latihan selama 16 minggu (gambar atas sekali).

CARA-cara menyelamatkan mangsa kebakaran yang terperangkap di dalam sebuah kenderaan yang mengalami kemalangan di jalan raya. (gambar atas).

GAMBAR kiri ialah pertunjukan menyelamatkan dengan menggunakan kereta Bomba yang termoden yang dilengkapi dengan tangga setinggi 103 kaki dan boleh dipandu ke berbagai arah.



RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV

MINGGU INI

HARI RABU 16 SEPTEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 FLINTSTONE KIDS
5.00 WIND IN THE WILLOWS: "School Days"
5.25 DEFENDERS OF THE EARTH: "Terror In Time"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 MY SISTER SAM: "Babes In The Wood"
6.15 SURVIVAL: "After The Rains" (Episod terakhir)
Afrika Selatan baru-baru ini mengalami kemarau yang paling teruk dalam satu abad. Bila akhirnya hujan turun, banyak kegiatan-kegiatan liar berlaku. Yang digambarkan dalam rancangan ini termasuklah kelawar yang mempertahankan nyawanya dari burung pemangsa, gagak yang mengenai anjing liar dan kura-kura yang bersatu untuk menyerang berjuta-juta burung kecil yang dipanggil Quelea.
6.20 AZAN MAGHRIB
6.25 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.35 SURVIVAL — sambungan
MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.29 AZAN ISYAK
7.34 L. A. LAW: "Fly Me To The Moon"
9.00 WARTA BERITA
9.25 SUDUT PELITA
9.30 LIPUTAN NASIONAL
9.50 LAPORAN SUKAN SEA
11.00 EUROTOPS
11.30 THE COLBY: "Big For Freedom"
Bliss berusaha mendapatkan pertolongan Jason bila buah hatinya, Kolya mengancam akan khianat. Adrienne minta Jason menghantar suaminya kembali ke Washington untuk menyelamatkan keluarganya dari daya tarikan Monica. Miles memberi perhatian rapi terhadap setiap langkah Fallon yang mengancam hendak menggugurkan anak yang mungkin anak Miles.
12.30 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 17 SEPTEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.25 HEATHCLIFF
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 ECONOMIC TODAY
6.05 1, 2, 3 GO
6.15 KISSYFUR
6.19 AZAN MAGHRIB
6.24 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.34 KISSYFUR — sambungan
MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.28 AZAN ISYAK
7.33 WEBSTER: "Secrets"
George takut kehilangan kerjanya bila ketua barunya membuang sebilangan pekerja-pekerja. Sementara itu Webster yang digut supaya membuat kerja rumah anak ketuanya dimalu-malukan di depan rakan-rakan sekelasnya.
8.10 MIAMI VICE
9.00 WARTA BERITA
9.25 HIDAYAT
9.55 LAPORAN SUKAN SEA
10.55 DUNIA MINGGU INI
11.25 MAGNUM P. I.: "Death Of The Flowers"
Rick merancang untuk mengadakan parti hari jadi untuk Icepick. Sementara itu Carol minta Magnum menyasat Hakim Hannibal Kearns, pe-

- nasihatnya yang dirasanya terlibat menerima rasuah yang kemudiannya didapati mati. Magnum dan Carol mendapati Grace Chang, satu-satunya kekasih Icepick terlibat dan Icepick setuju menolong membawanya kepada penangkapnya.
12.25 TAYANGAN GAMBAR
1.50 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 18 SEPTEMBER

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.14 BIMBINGAN ISLAM — ulangan
12.25 HIDAYAT — ulangan
12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
12.50 HIDAYAT — sambungan
1.00 THE REAL GHOSTBUSTERS: "Citizen Ghost"

PETANG

- 1.25 RACCOON: "Rumours"
1.55 BRAZIL BRAZIL: "What Price Progress?"
2.55 MASK: "Magna Mole"
3.21 AZAN ASAR
3.26 AL-KISAH
3.45 MAGIC CORNER
4.10 FLAME TREES OF THIKA: "Friends In High Places"
5.10 WORKING FOR SAFETY
5.35 TERRY AND JUNE: "A Piece Of The Action"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 TERRY AND JUNE — sambungan
6.05 WHY AND WHEREFORES: "Why Are Round Things Strong?"
6.19 AZAN MAGHRIB
6.24 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.34 WHY AND WHEREFORES — sambungan
MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 WORLD'S FUNNIEST COMMERCIAL GOOFS
7.28 AZAN ISYAK
7.33 WORLD'S FUNNIEST COMMERCIAL GOOFS — sambungan
8.10 MACGYVER: "Jack Of Lies"
MacGyver setuju menjamin kawan lamanya, Jack Dalton dan menemaninya membebaskan seorang lagi kawan lamanya, Michelle Foster yang ditahan sebagai tebusan oleh pegawai-pegawai polis yang menerima rasuah dan menyeludup dadah di Di Noto, Amerika Tengah.
9.00 WARTA BERITA
9.25 LIPUTAN NASIONAL
9.55 LAPORAN SUKAN SEA
10.55 BIMBINGAN ISLAM
11.05 HEAD OF THE CLASS: "Rebel Without A Class" (Episod akhir)
11.30 FALCON CREST: "Perilous Charm"
12.30 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 19 SEPTEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 WILDLIFE ON ONE "Zen The Pigtail Monkey"
5.45 RINGKASAN WARTA
5.50 ALF: "Mother And Child Reunion"
6.18 AZAN MAGHRIB
6.23 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.33 TELEBUGS
MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.27 AZAN ISYAK
7.32 THREE'S COMPANY: "The Odd Couples"
8.10 SHELL GAME: "Norman's Parking Ticket"

- Norman yang mengadu mengenai tiket letak kereta membawa Jennie dan Reid kepada satu kes pembunuhan. Dalam pada itu ulangtahun hari perkahwinan mereka semakin dekat dan Jennie tahu ada satu hadiah saja yang sesuai untuk bekas suaminya.
9.00 WARTA BERITA
9.25 LAPORAN SUKAN SEA
10.25 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Jaka Tingkir"
11.55 ENTERTAINMENT THIS WEEK
1.50 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 20 SEPTEMBER

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.14 MUSICAL: "John Lennon: Live In New York"
12.16 AZAN ZUHUR
12.21 MUSICAL — sambungan
PETANG
1.10 BIG LEAGUE SOCCER: "Oxford vs Luton"
1.55 TAYANGAN GAMBAR:
3.21 AZAN ASAR
3.25 TAYANGAN GAMBAR — sambungan
3.35 THE ADVENTURES OF TEDDY RUXPINS (Siri baru)
4.00 SILVERHAWKS: "Operation Big Freeze"
4.25 DRAMA INDONESIA: "Dua Tokoh" Bgh. II
5.05 REAL PEOPLE
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 REAL PEOPLE — sambungan
5.55 CENTURIONS: "Return Of Lassandra"
6.18 AZAN MAGHRIB
6.23 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.33 GROWING PAINS: "Extra Lap"

PETANG

- 1.10 BIG LEAGUE SOCCER: "Oxford vs Luton"
1.55 TAYANGAN GAMBAR:
3.21 AZAN ASAR
3.25 TAYANGAN GAMBAR — sambungan
3.35 THE ADVENTURES OF TEDDY RUXPINS (Siri baru)
4.00 SILVERHAWKS: "Operation Big Freeze"
4.25 DRAMA INDONESIA: "Dua Tokoh" Bgh. II
5.05 REAL PEOPLE
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 REAL PEOPLE — sambungan
5.55 CENTURIONS: "Return Of Lassandra"
6.18 AZAN MAGHRIB
6.23 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.33 GROWING PAINS: "Extra Lap"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.27 AZAN ISYAK
7.32 WHAT A COUNTRY
8.10 MATLOCK: "The Chef"
Bila bekas suami Victoria, seorang pengarang buku masakan jualan ter- baik mati setelah menguji sos dalam satu pertunjukan, Victoria telah didakwa dan ia mengupah Matlock untuk memastikan pembunuh itu menerima balasan.
9.00 WARTA BERITA
9.25 SUDUT ASIA
9.55 HIBURAN MINGGU INI
10.45 RACE OF ANGELS II — THE STORY CONTINUES
11.35 CALL ME MISTER: "The Creative Accountant"
12.35 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 21 SEPTEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 ALPHABET GAMES: "The Letter — B"
4.45 BITS AND PIECES: "Windmill"
4.55 JOHNNY QUEST
5.20 THE WORLD ABOUT US: "A Desert Voyage Through Syria With Freya Stark"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 THE WORLD ABOUT US — sambungan
6.17 AZAN MAGHRIB
6.22 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.32 EDISON TWINS
MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.26 AZAN ISYAK
7.31 WHO'S THE BOSS? "Mona's Limbo"
8.10 HEART OF THE CITY: "Beauty And A Couple Of Beasts"
9.00 WARTA BERITA
9.25 LIPUTAN NASIONAL
9.55 SUPERSTARS OF WRESTLING (Episod akhir)
10.50 TAYANGAN GAMBAR: "Monster Club"
12.30 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 22 SEPTEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 RAG DOLLY ANNA
4.55 SQUARE ONE
5.20 JEM
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 TIMANG TINGGI-TINGGI
6.10 GLASS: "Colour"
6.17 AZAN MAGHRIB
6.22 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.32 GLASS — sambungan
MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.26 AZAN ISYAK
7.31 MARI MEMASAK: "Ayam Kelio"
8.10 COURAGE (Siri baru)
9.00 WARTA BERITA
9.25 BELIA
9.45 ARENA SUKAN
10.30 MONTE CARLO (Episod akhir)
11.20 NEVER THE TWAIN: "Come Fly With Me" (Episod akhir)
11.55 SIARAN TAMAT.

Mari Memasak:

AYAM KELIO

BAHAN-BAHAN- NYA: —

- 1 ekor ayam
1 biji kelapa
½ sudu kecil jintan manis
½ inci halia
6 ulas bawang merah
3 ulas bawang putih
4 batang serai
½ inci lengkuas
3 helai daun kunyit
2 sudu cili merah
Serbuk kunyit
Rempah untuk menu-
mis
Minyak untuk menumis.

CARA-CARA MEMBUATNYA: —

Ayam dibersihkan dan potong mengikut kesuka- an masing-masing. Halia, serai, bawang merah, ba- wang putih ditumbuk ha- lus bersama-sama buah keras.
Kelapa diambil santan pekat sahaja.
Kemudian panaskan minyak, sesudah panas masukkan rempah tumis. Apabila naik baunya, masukkan bahan-bahan

yang ditumbuk tadi ke dalam rempah yang ditu- mis tadi.

Kemudian masukkan ayam. Sesudah air ayam keluar, barulah dimasuk- kan santan dan daun ku- nyit.

Selepas itu ditutup ke- mudian kacau sekali-seka- la.

Biarkan airnya keluar minyak terlebih dahulu. Sesudah itu masukkan ga- ram dan serbuk perasa. Biarkan sehingga masak.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-PERKHIDMATAN Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEGAWAI PENYELIDIK KANAN :
Bilangan Kod : 056 19 - 512).
Tanggagaji : C. 3-4 EB. 5 — \$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan :
a) i) Higher National Diploma (HND) dalam bidang pengajian Bahasa dan Kesasteraan atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya yang diiktiraf oleh kerajaan.

ii) Mahir menguasai Bahasa Melayu, tulisan jawi, (membaca dan menulis) serta berpengetahuan asas bahasa lain.

ATAU
b) i) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan dalam jawatan/kerajaan yang diiktiraf di bahagian III tidak kurang dari 5 tahun.

ii) Sijil Penoh Peringkat Lanjutan (termasuk Bahasa Melayu atau Kesasteraan Melayu) Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

2. KETUA PEMBANTU TEKNIK :
(Bilangan Kod : 026 03 - 991).
(Di Jabatan Daerah Kuala

Belait, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri).
Tanggagaji : C. 3-4 EB. 5 — \$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan :
a) Higher National Diploma (HND) dalam bidang yang bersesuaian atau yang sebanding dengannya
ATAU
b) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan Pembantu Teknik Kanan dalam kerja-kerja yang berkaitan dengan pengawasan kemajuan luar bandar tidak kurang dari 5 tahun.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :
Menjalankan tugas-tugas yang berupa pengawasan kemajuan luar bandar, membuat anggaran-anggaran perbelanjaan, mengawas pekerja-pekerja bahagian teknikal dan pemeliharaan.

Am :
Calon-calon yang berjaya bagi jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :
Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.
Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka kepada Ketua Jabatannya dan

Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan

salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 17 Oktober, 1987.

(Bilangan Pendaftaran : 88/1987).
(E/656/79).

TAWARAN KEMENTERIAN PERHUBUNGAN JABATAN TELEKOM

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi the Supply, Delivery and Training of Multi Line Telephones.

2. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, tidak lewat daripada 3.00 petang, hari Rabu 14 Oktober, 1987.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan waktu yang tersebut tidak akan diterima.

3. Pemborong - pemborong dikehendaki menghantar setiap contoh sistem yang ditawarkan dengan perbelanjaan pemborong sendiri kepada Pengarah Telekom, Rumah Telekom, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari 30 hari selepas tarikh penutup tawaran ini.

4. Pemborong - pemborong juga dikehendaki menyediakan dan menunjukkan contoh sistem yang ditawarkan dengan perbelanjaan pemborong sendiri kepada Pengarah Telekom atau wakilnya berkenaan dengan fungsi perjalanan sistem yang ditawarkan. Semua contoh-contoh akan dikembalikan kepada pemborong-pemborong yang tidak berjaya dengan perbelanjaan mereka.

5. Jika pemborong-pemborong gagal menghadapkan atau menyediakan contoh sistem yang ditawarkan dalam masa yang ditentukan, tawaran-tawaran dikira batal.

6. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup bertanda : —
TENDER FOR THE SUPPLY, DELIVERY AND TRAINING OF MULTI LINE TELEPHONES FOR JABATAN TELEKOM
TENDER REF NO : JTB/OM/5/1987

tanpa menyatakan identiti pemborong.

7. Keterangan lanjut boleh-lah didapati daripada Pejabat Pengarah Telekom, Tingkat 1, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dengan bayaran \$100.00 (tidak dikembalikan). Bagi pemborong-pemborong yang mengikuti tawaran di atas, wang cagaran berjumlah \$1,000.00 (dikembalikan) hendaklah dihantar kepada alamat yang sama. Pembayaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau 'Cheque' beserta dengan 'Bank Guarantee'.

8. Kerajaan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi The Supply, Delivery and Training of Executive-Secretary System.

2. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, tidak lewat daripada 3.00 petang, hari Rabu 14 Oktober, 1987. Tawaran-tawaran yang lewat dari tarikh dan waktu yang tersebut tidak akan diterima.

dikehendaki menghantar setiap contoh sistem yang ditawarkan dengan perbelanjaan pemborong sendiri kepada Pengarah Telekom, Rumah Telekom, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari 30 hari selepas tarikh penutup tawaran ini.

4. Pemborong - pemborong juga dikehendaki menyediakan dan menunjukkan contoh sistem yang ditawarkan dengan perbelanjaan pemborong sendiri bagi persetujuan Pengarah Telekom atau wakilnya berkenaan dengan fungsi perjalanan sistem yang ditawarkan. Semua contoh-contoh akan dikembalikan kepada pemborong-pemborong yang tidak berjaya dengan perbelanjaan mereka.

5. Jika pemborong-pemborong gagal menghadapkan atau menyediakan contoh sistem yang ditawarkan dalam masa yang ditentukan, tawaran-tawaran dikira batal.

6. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup bertanda : —
TENDER FOR THE SUPPLY, DELIVERY AND TRAINING OF EXECUTIVE-SECRETARY SYSTEM FOR JABATAN TELEKOM
TENDER REF NO : JTB/OM/4/1987

tanpa menyatakan identiti pemborong.

